SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXVI] KOTA KINABALU, KHAMIS, 2 SEPTEMBER 2021 [No. S 8

No. S 22 [No. JPBN: 600-1/94

ENAKMEN BEKALAN AIR SABAH 2003

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN AIR SABAH (PELESENAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(*p*) Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 [*No. 10 tahun 2003*], Menteri boleh, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Air Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Bekalan Air Sabah (Pelesenan) 2021.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

"Enakmen" ertinya Enakmen Bekalan Air Sabah 2003 [*No. 10 tahun 2003*];

"alur air" termasuklah sungai, anak sungai dan suak termasuk mana-mana cawang sungai, cabang sungai atau lencongan buatan mengenainya, laut, tasik, air bawah tanah, empangan, takungan, longkang, parit dan laluan, selain paip yang air mengalir melaluinya bagi pembekalan air ke mana-mana premis;

"perkhidmatan bekalan air" ertinya perawatan air yang diambil daripada alur air dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem bekalan air.

Jenis-jenis lesen

3. Lesen berasingan hendaklah diperlukan bagi aktiviti-aktiviti berikut, iaitu–

(a) pemilikan sistem bekalan air atau mana-mana bahagian daripada sistem tersebut; atau

(b) pengusahaan, penyediaan atau pengadaan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu.

Fi dan sekuriti untuk lesen

4. (1) Fi yang hendaklah dibayar bagi suatu lesen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Susunan A dan B Jadual.

(2) Fi tahunan lesen bagi setiap lesen hendaklah dibayar mengikut cara yang berikut:

(a) pada ulang tahun pertama lesen dan selepas daripada itu pada tiap-tiap tahun fi tahunan lesen itu adalah berdasarkan akaun teraudit pemegang lesen; atau

(b) jika akaun teraudit belum lagi dimuktamadkan pada atau sebelum ulang tahun yang pertama atau ulang tahun yang berikutnya, fi tahunan lesen hendaklah mula-mula sekali berdasarkan pada akaun belum diaudit pemegang lesen dengan syarat bahawa dalam tempoh enam bulan selepas ulang tahun pertama atau ulang tahun yang berikutnya, pelarasan hendaklah dibuat kepada fi tahunan lesen itu berdasarkan akaun teraudit pemegang lesen.

(3) Fi pembaharuan hendaklah dibayar apabila permohonan bagi pembaharuan setiap lesen diluluskan.

(4) Sekuriti yang hendaklah dibayar bagi lesen adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

(5) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh dengan budi bicaranya menyimpan apa-apa jumlah daripada sekuriti yang dinyatakan di bawah subperaturan (4) yang disifatkan mencukupi oleh Pihak Berkuasa Air Negeri untuk memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab sebagai pemegang lesen di bawah terma dan syarat lesen.

Keengganan memberikan lesen

5. Jika Pihak Berkuasa Air Negeri enggan memberikan lesen di bawah subseksyen 16(3) Enakmen, Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah memaklumkan pemohon secara bertulis tentang keengganan itu.

Pembaharuan lesen

6. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk pembaharuan lesen dengan menghantar permohonan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Air Negeri.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat tidak kurang daripada enam bulan sebelum habis tempoh suatu lesen dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat dan dokumen lain yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

Permohonan untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat-syarat lesen

7. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Air Negeri untuk–

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan kepada lesen; dan

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat kepada lesen itu.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri dengan menyatakan perkara-perkara berikut:

(a) tarikh yang dicadangkan bagi penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan menjadi berkuat kuasa;

(b) butir-butir terperinci tentang penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan dan sebab bagi penambahan, perubahan atau pembatalan itu; dan

(c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

(4) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh meminta pemegang lesen supaya memberikan dalam masa yang ditentukan, apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Air Negeri.

(5) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tidak akan menjejaskan hak pemegang lesen itu untuk membuat permohonan yang baru.

(6) Pihak Berkuasa Air Negeri boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan maklumat lanjut atau dokumen lain yang diberikan di bawah subperaturan (4)–

(a) meluluskan permohonan itu; atau

(b) enggan untuk meluluskan permohonan itu.

(7) Keputusan Pihak Berkuasa Air Negeri untuk meluluskan atau tidak meluluskan permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen oleh Pihak Berkuasa Air Negeri melalui notis secara bertulis dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(8) Notis bertulis daripada Pihak Berkuasa Air Negeri di bawah subperaturan (7) hendaklah menyatakan–

(a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, hakikat kelulusan itu; dan

(b) dalam hal jika permohonan itu ditolak, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

Pemindahmilikan lesen

8. (1) Pemegang lesen boleh memohon kepada Menteri untuk memindahmilikkan lesen dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Menteri dan permohonan itu hendaklah disertai dengan–

(a) butir-butir yang berkaitan mengenai pemindahmilikan yang dicadangkan itu, termasuk butir-butir mengenai penerima pindah milik yang dicadangkan dan pengalaman dan kebolehan penerima pindah milik yang dicadangkan dalam mengusahakan aktiviti yang dilesenkan; dan

(b) fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), meminta pemegang lesen untuk memberi Menteri dalam masa yang dinyatakan maklumat lanjut atau dokumen lain berkenaan dengan permohonan itu.

(3) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (2) tidak diberikan oleh pemegang lesen dalam masa yang dinyatakan di dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Menteri, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemegang lesen itu untuk membuat permohonan yang baru.

(4) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan maklumat lanjut atau dokumen lain yang diberikan di bawah subperaturan (2)–

(a) meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat; atau

(b) menolak permohonan itu.

(5) Keputusan Menteri untuk meluluskan atau menolak permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui notis secara bertulis dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(6) Notis bertulis daripada Menteri di bawah subperaturan (5) hendaklah menyatakan–

(a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, hakikat kelulusan itu dan, jika syarat dikenakan, syarat yang dikenakan itu; dan

(b) dalam hal jika permohonan itu ditolak, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

Perubahan butir-butir pemegang lesen

9. (1) Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Air Negeri secara bertulis, dengan seberapa segera yang mungkin, mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang lesen dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual.

(2) Selepas menerima pemberitahuan di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah meminda butir-butir pemegang lesen itu dalam lesennya.

Penggantian lesen

10. (1) Jika suatu lesen hilang atau musnah, pemegang lesen hendaklah membuat laporan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri berkenaan dengan kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Suatu permohonan untuk penggantian lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Air Negeri dan hendaklah disertai dengan–

(a) apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Air Negeri; dan

(b) fi yang ditetapkan bagi penggantian lesen dalam Susunan A Jadual.

(3) Jika Pihak Berkuasa Air Negeri berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan suatu lesen bukan disebabkan oleh apa-apa fraud, Pihak Berkuasa Air Negeri boleh mengeluarkan lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan yang asal tetapi dengan perkataan "SALINAN PENDUA" diendorskan pada lesen itu.

(4) Salinan pendua lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai

kesan yang sama dengan lesen yang asal.

Salinan lesen yang diperakui sah

11. (1) Pemegang lesen boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Air Negeri secara bertulis untuk mendapatkan suatu salinan diperakui sah lesennya.

(2) Setelah dibayar fi yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual, Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah memberikan suatu salinan diperakui sah lesen kepada pemegang lesen itu.

Peralihan

12. Peruntukan perenggan 3(*a*) dan (*b*) tidak terpakai bagi mana-mana entiti yang, pada tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, menjalankan mana-mana perbuatan yang diperihalkan dalam perenggan 3(*a*) atau (*b*) sehingga habis tempoh enam bulan dari tarikh itu atau diputuskan dengan muktamad permohonannya untuk mendapatkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

JADUAL

SUSUNAN A

(subperaturan 4(1), 4(3) dan 7(2), perenggan 8(1)(*b*), subperaturan 9(1), perenggan 10(2)(*b*) dan subperaturan 11(3))

FI - FI

Jenis-jenis fi	*Fi* (RM)
Fi permohonan	10,000
Fi pemprosesan pembaharuan lesen	10,000
Permohonan bagi mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat-syarat lesen	1,000
Permohonan pemindahmilikan lesen	5,000
Fi bagi perubahan maklumat dalam lesen	100
Fi bagi penggantian lesen	1,000
Permohonan salinan lesen yang diperakui sah	50
Fi untuk membuat salinan, atau mengambil petikan dari daftar	50

SUSUNAN B

FI TAHUNAN LESEN

Jenis	*Sifat*	*Fi Tahunan Lesen*
Pemilikan sahaja		1% dari pusing ganti kasar tahun kewangan yang sudah
Perkhidmatan Bekalan Air	Pengebilan Air sahaja Pengagihan Air sahaja Rawatan Air sahaja Rawatan dan Pengagihan Air	1% dari pusing ganti kasar tahun kewangan yang sudah
Pemilikan dan Perkhidmatan Bekalan Air yang dipegang oleh entiti yang sama		1% dari pusing ganti kasar tahun kewangan yang sudah

Dibuat

DATO' SRI MOKTAR BIN RADIN
Menteri Kerja Raya Sabah

[NoJPBN:600-1/94

SABAH WATER SUPPLY ENACTMENT 2003

SABAH WATER SUPPLY (LICENSING) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 72(*p*) of the Sabah Water Supply Enactment 2003 [*No. 10 of 2003*], the Minister may, after consultation with the State Water Authority, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the Sabah Water Supply (Licensing) Regulations 2021.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 15 July 2021.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires–

"Enactment" means Sabah Water Supply Enactment 2003 [*No. 10 of 2003*];

"watercourse" includes rivers, streams and creek including any tributary, distributary or artificial deviation thereof, seas, lakes, ground water, dams, reservoirs, ditches, drains and passages, other than pipes through which water flows for the supply of water to any premises;

"water supply services" means the treatment of water abstracted from watercourses and the distribution and supply of treated water to consumers and includes the operation and maintenance of the water supply system.

Types of licence

3. A separate licence shall be required for the following activities, that is–

(a) ownership of a water supply system or any part of the system; or

(b) undertaking, providing or making available any water supply services or part of the services.

Fees and security for licence

4. (1) The fees to be paid for a licence shall be as prescribed in Tables A and B of the Schedule.

(2) The annual licence fee for each licence shall be paid in the following manner:

(a) on the first anniversary of the licence and annually thereafter, the annual licence fee shall be based on the audited accounts of the licensee; or

(b) if the audited accounts have not been finalized on or before the first anniversary or subsequent anniversaries, the annual licence fees shall first be based on the unaudited accounts of the licensee provided that within six months after the first anniversary or subsequent anniversary, an adjustment shall be made to the annual licence fees based on the audited accounts of the licensee.

(3) A renewal fee shall be payable upon approval of the application for renewal of each licence.

(4) The security to be paid for a licence shall be as determined by the State Water Authority.

(5) The State Water Authority may in his discretion retain such sum out of the security stipulated under subregulation (4) which is deemed sufficient by the State Water Authority to meet the obligations of the licensee under the terms and conditions of the licence.

Refusal to grant a licence

5. Where the State Water Authority refuses to grant a licence under subsection 16(3) of the Enactment, the State Water Authority shall inform the applicant in writing of such refusal.

Renewal of licence

6. (1) A licensee may apply for renewal of the licence by submitting a written application to the State Water Authority.

(2) The application referred to in subregulation (1) shall be made not less than six months before the expiry of the licence and shall be accompanied by such information and other documents as may be specified by the State Water Authority.

Application to impose additional conditions, vary or revoke the conditions of a licence

7. (1) A licensee may apply to the State Water Authority to–

(a) impose any additional conditions on the licence; and

(b) vary or revoke any conditions to the licence.

(2) An application made under subregulation (1) shall be accompanied by the fee as prescribed in the Table A of the Schedule.

(3) An application made under subregulation (1) shall be in writing and shall be submitted to the State Water Authority stating the following matters:

(a) the proposed dates on which the proposed addition, variation or revocation shall become valid;

(b) the details of the proposed addition, variation or revocation and the reasons for such addition, variation or revocation; and

(c) any other information as the State Water Authority may require.

(4) The State Water Authority may request the licensee to provide within a specified time such further information or other document as the State Water Authority may require.

(5) If any further information or other document required under subregulation (4) are not provided by the licensee within the time specified in the request or any extension of time granted by the State Water Authority, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceeded with, but it shall not affect the right of the licensee to make a fresh application.

(6) The State Water Authority may, after considering the application under subregulation (1) and the further information or other document provided under subregulation (4)–

(a) approve the application; or

(b) refuse to approve the application.

(7) The decision of the State Water Authority to approve or not to approve the application shall be communicated to the licensee by the State Water Authority by written notice as soon as practicable.

(8) The written notice by the State Water Authority under subregulation (7) shall specify–

(a) in the case where the application is approved, the fact of such approval; and

(b) in the case of a refusal to approve the application, the fact of such refusal and the reason for such refusal.

Transfer of licence

8. (1) A licensee may apply to the Minister to transfer its licence by submitting a written application to the Minister and such application shall be accompanied by–

(a) the relevant particulars of the proposed transfer, including the particulars of the proposed transferee and the experience and capability of the proposed transferee in undertaking the licensed activities; and

(b) the fees as prescribed in Table A of the Schedule.

(2) The Minister may, at any time after the receipt of an application under subregulation (1), request the licensee to give to the Minister within specified time further information or other document on the application.

(3) If any further information or other document required under subregulation (2) are not provided by the licensee within the time specified in the request or any extension of time granted by the Minister, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceeded with, but without affecting the right of the licensee to make a fresh application.

(4) The Minister may, after considering the application under subregulation (1) and the further information or other document provided under subregulation (2)–

(a) approve the application, with or without conditions; or

(b) refuse the application.

(5) The decision of the Minister to approve or to refuse the application shall be communicated to the licensee by written notice as soon as practicable.

(6) The written notice by the Minister under subregulation (5) shall specify–

(a) in the case where the application is approved, the fact of such approval and, where conditions are imposed, the conditions imposed; and

(b) in the case of a refusal, the fact of such refusal and the reason for such refusal.

Change in particulars of licensee

9. (1) A licensee shall notify the State Water Authority in writing, as soon as possible, of any change in the particulars of the licensee and the notification shall be accompanied by the fee as prescribed in Table A of the Schedule.

(2) Upon receipt of the notification under subregulation (1), the State Water Authority shall amend the particulars of the licensee in its licence.

Replacement of licence

10. (1) Where a licence is lost or destroyed, a licensee shall lodge a report to the State Water Authority in respect of the loss or destruction.

(2) An application for a replacement of a licence shall be made in writing to the State Water Authority and shall be accompanied by–

(a) any information as required by the State Water Authority; and

(b) the fee prescribed for its replacement as prescribed in Table A of the Schedule.

(3) If the State Water Authority is satisfied that the loss or destruction of a licence was not the result of any fraud, the State Water Authority may issue a replacement licence in the same form as the original but with the word "DUPLICATE" endorsed on the licence.

(4) The duplicate licence issued under subregulation (3) shall have the same effect as the original licence.

Certified true copy of a licence

11. (1) A licensee may apply to the State Water Authority in writing to obtain a certified true copy of his licence.

(2) Upon payment of the fee as prescribed in Table A of the Schedule, the State Water Authority shall provide a certified true copy of the licence to the licensee.

Transitional

12. The provisions of paragraphs 3(*a*) and *(b)* shall not apply to any entity who, on the date of coming into operation of these Regulations, was carrying on any of the acts described in paragraphs 3(*a*) *or (b)* until the expiration of six months from that date or the final determination of its application for a licence under these Regulations, whichever is the later.

SCHEDULE

TABLE A

(subregulations 4(1), 4(3) and 7(2), paragraph 8(1)(*b*), subregulation 9(1), paragraph 10(2)(*b*) and subregulation 11(3))

FEES

Types of fees	*Fees* (RM)
Application fee	10,000
Processing fee for renewal of licence	10,000
Application to impose additional conditions, vary or revoke the conditions of licence	1,000
Application for transfer of licence	5,000
Fee for change in particulars of licence	100
Fee for replacement of licence	1,000
Application for certified true copy of licence	50
Fee for making of copy of, or taking extracts from the register	50

TABLE B

ANNUAL LICENCE FEE

Type	*Nature*	*Annual Licence Fee*
Ownership only		1% of the gross turnover of the preceding financial year
Water Supply Services	Water Billing only Water Distribution only Water Treatment only Water Treatment and Distibution Water Treatment	1% of the gross turnover of the preceding financial year
Ownership and Water Supply Services held by the same legal entity		1% of the gross turnover of the preceding financial year

Made

DATO' SRI MOKTAR BIN RADIN
Minister of Works Sabah

DICETAK OLEH PEMANGKU PENCETAK KERAJAAN,
ROLAND FRED PHAN, A.S.D.K., A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2021.

P.K. 0002 (L) - 2021